



NOTA AMALAN LITIGAN SECARA BERSEORANG (GPN-LIP)

Sila baca seluruh nota amalan ini. Nota amalan ini menjelaskan apa yang perlu anda ketahui sebelum meneruskan perkara tanpa peguam.

Sila dapatkan bantuan jika membaca sukar untuk anda atau Bahasa Inggeris anda tidak fasih.

Nota amalan ini tidak terlalu panjang meskipun kelihatan sedemikian. Nota amalan ini mempunyai empat bahagian yang dipanggil Lampiran:

- Lampiran A akan membantu anda jika kami menggunakan istilah undang-undang atau perkataan teknikal. Kami akan mencetak perkataan tersebut dalam huruf tebal, seperti **ini**. Perkataan yang dicetak dalam huruf tebal ditakrifkan dalam Lampiran A. Anda seharusnya ke Lampiran A dan mencari apa yang telah anda baca dalam huruf tebal, untuk melihat maksudnya.
- Lampiran B memberi rumusan bahagian [37M](#) dan [37N](#) daripada [Akta Mahkamah Persekutuan Australia 1976 \(Komanwel\) \[Federal Court of Australia Act 1976 \(Cth\)\]](#) yang memberitahu anda tentang matlamat Mahkamah untuk menyelesaikan kes dengan cepat dan adil.
- Lampiran C mengandungi senarai **nota amalan** lain Mahkamah yang berkenaan. Mahkamah mempunyai **nota amalan** tentang pelbagai jenis kes.
- Lampiran D mempunyai senarai percuma **pangkalan data penyelidikan undang-undang** yang boleh anda gunakan.

Mahkamah akan meminta anda menandatangani borang yang menyatakan kepada Mahkamah bahawa anda telah membaca seluruh **nota amalan** ini. Seseorang pegawai Mahkamah akan memberi borang ini kepada anda, atau dihantar melalui e-mel, atau melalui pos jika anda tidak menggunakan e-mel.

1. PENGENALAN

- 1.1. **Nota amalan** ini adalah bagi **litigan berseorang** di Mahkamah Persekutuan Australia.
- 1.2. Anda seorang **litigan perseorangan** sekiranya anda mempunyai **kes undang-undang** di Mahkamah dan anda tidak mempunyai peguam untuk **mewakili** anda.

1.3. Seorang **litigan perseorangan** melaksanakan tugas serius yang disertai tanggungjawab-tanggungjawab.

1.4. **Nota amalan** ini akan menjelaskan kepada anda:

(a) beberapa perkara yang mesti anda lakukan dan apa yang akan berlaku jika anda tidak melakukannya;

(b) beberapa perkara yang harus anda tidak lakukan dan apa yang akan berlaku jika anda melakukannya;

(c) apa peranan Mahkamah dan orang yang bekerja di sana, serta apa yang tidak boleh dilakukan oleh mereka; dan

(d) apa peranan peguam, dan apa yang tidak boleh dilakukan oleh mereka, apabila mereka **mewakili** orang di Mahkamah.

1.5. **Nota amalan** ini menjelaskan kepada anda banyak perkara yang perlu anda ketahui tentang cara menjalankan atau membela kes. Nota amalan ini tidak menjelaskan segala hal yang anda perlu anda ketahui. Beberapa perkara yang perlu anda ketahui bergantung pada jenis kes anda. Anda mungkin perlu melihat **nota amalan** yang lain untuk Mahkamah ini. Anda mungkin perlu mencari peraturan di tempat lain.

1.6. Mahkamah mempunyai [Nota Amalan Teras \[Central Practice Note \(CPN-1\)\]](#) yang berkenaan untuk semua kes. Ia akan membantu anda dengan cara Mahkamah berfungsi. Mahkamah juga mempunyai **nota amalan** untuk pelbagai jenis kes. Contohnya, [Nota Amalan Migrasi \(MIG-1\)](#) adalah untuk kes migrasi. Anda boleh mendapatkan senarai **nota amalan** Mahkamah dalam Lampiran C. Anda juga boleh mencari **nota amalan** Mahkamah pada [laman web](#) Mahkamah.

1.7. Mahkamah ini berfungsi di bawah Akta Parlimen Australia yang dipanggil [Akta Mahkamah Persekutuan Australia 1976 \(Cth\)](#) (akan dipanggil “Akta”). Mahkamah juga mempunyai peraturan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah, yang dipanggil [Peraturan Mahkamah Persekutuan 2011 \(Cth\)](#) (akan dipanggil itu “Peraturan”). [Nota Amalan Teras](#) sebahagiannya berdasarkan Akta dan Peraturan.

1.8. Mahkamah bertujuan menyelesaikan kes dengan cepat dan adil. Anda perlu membaca bahagian [37M](#) dan [37N](#) Akta tersebut sebelum anda meneruskan. Anda akan menemui ringkasan bahagian-bahagian tersebut dalam Lampiran B. Bahagian 37M menyatakan matlamat Mahkamah untuk menyelesaikan pertikaian dengan cepat dan adil. Seksyen 37N menyatakan bahawa semua litigan mesti membantu mencapai matlamat tersebut.

1.9. Semua mahkamah berbeza dari segi cara berfungsi. Anda mungkin pernah menghadapi kes di mahkamah atau tribunal lain. Anda perlu mengetahui bahawa cara Mahkamah ini berfungsi mungkin berbeza

daripada mahkamah atau tribunal yang lain.

2. MENDAPATKAN BANTUAN UNDANG-UNDANG

- 2.1. Anda harus bercakap dengan peguam sebelum anda memutuskan untuk memulakan kes sendiri, atau untuk membela kes yang diajukan terhadap anda, tanpa bantuan peguam.
- 2.2. Memperjuangkan sesuatu kes dan kemudiannya kalah boleh menjadi sangat mahal. Orang yang kalah biasanya perlu membayar **kos** pihak pemenang. **Kos** ini boleh mencapai ribuan dolar.
- 2.3. Anda mesti memikirkan dengan teliti apa yang anda perlukan untuk memenangi kes anda, sebelum anda memutuskan untuk melanjutkan kes tanpa peguam. Untuk memenangi kes anda, anda perlu:
 - (a) membawa ke Mahkamah **bukti** yang membuktikan bahawa fakta adalah seperti yang anda katakan;
 - (b) mencari **undang-undang** yang berkenaan dengan kes tersebut; dan
 - (c) berhujah kepada Mahkamah bahawa **undang-undang** tersebut bermakna Mahkamah mesti memutuskan kes menurut pandangan anda.
- 2.4. Peguam dilatih untuk memperjuangkan kes. Mereka mengetahui cara untuk membawa **bukti** ke Mahkamah. Mereka mengetahui cara untuk mencari **undang-undang** yang betul untuk kes tersebut. Mereka mengetahui cara untuk membahar kes tersebut. Peguam juga mengetahui mereka perlu berhati-hati apabila mereka menasihati klien mereka.
- 2.5. Terdapat beberapa cara bagi anda untuk mendapatkan **nasihat undang-undang** jika anda tidak mampu membayar untuk peguam:
 - (a) sesetengah peguam menawarkan perbincangan pertama secara percuma;
 - (b) sesetengah peguam akan menerima kes anda atas dasar tidak menang tiada bayaran (mereka hanya mengenakan bayaran jika anda menang); atau
 - (c) pusat bantuan guaman masyarakat boleh memberi **nasihat undang-undang** secara percuma, atau dengan bayaran yang rendah.
- 2.6. Anda boleh mencari pada [laman web](#) Mahkamah senarai individu dan organisasi yang boleh membantu anda secara percuma atau dengan bayaran yang rendah. Orang dan organisasi tersebut bukan sebahagian daripada Mahkamah.

- 2.7. Mahkamah boleh merujuk sesuatu **pihak** untuk bantuan guaman. Aturan 4.12 daripada [Peraturan](#) memberikan Mahkamah kuasa ini. Mahkamah tidak perlu merujuk anda untuk bantuan guaman. Mahkamah akan memutuskan sama ada akan merujuk sesuatu **pihak** dalam setiap kes.
- 2.8. Jangan gunakan **Aturcara Kecerdasan Buatan (AI) Generatif** (seperti Chat GPT, Claude, Microsoft Copilot atau Google Gemini) untuk mendapatkan bantuan guaman tentang sama ada anda mempunyai kes yang boleh anda menangi. Program-program tersebut tidak boleh dipercayai untuk bantuan guaman tentang sama ada akan memulakan atau mempertahankan kes. Aturcara tersebut tidak dilatih sebagai peguam. Aturcara tersebut mungkin memberi anda jawapan yang berdasarkan **undang-undang** Amerika Syarikat. **Undang-undang** Amerika Syarikat berbeza dengan **undang-undang** Australia. **Aturcara AI** boleh memberi jawapan salah kepada soalan undang-undang.
- 2.9. Jangan gunakan **media sosial** atau laman web **pseudolaw** untuk sebarang jenis bantuan guaman. Laman-laman tersebut mungkin mengatakan bahawa anda boleh keluar daripada masalah undang-undang atau memenangi kes anda. Mungkin kelihatan seperti diberi bantuan guaman sedangkan sebenarnya tidak. Akan diberi memberikan banyak jawapan salah yang tidak akan diterima oleh Mahkamah kerana tidak berdasarkan **undang-undang** sebenar. Anda boleh menghadapi masalah serius jika anda memberikan hujah undang-undang kepada Mahkamah yang tidak berdasarkan **undang-undang** sebenar.
- 2.10. Jika anda memulakan atau mempertahankan kes berdasarkan **undang-undang** dan **bukti** sebenar, anda boleh menggunakan **Aturcara AI** untuk membantu menjelaskan kes anda kepada Mahkamah. Jika anda menggunakan **Aturcara AI** untuk membantu menjelaskan kes anda, anda perlu memberitahu Mahkamah bahawa itulah yang telah anda lakukan jika Mahkamah bertanya kepada anda mengenai hal tersebut. Anda mesti menyemak segala bahan yang anda dapatkan daripada **Program AI**. Anda mesti menyemak sama ada semua fakta betul dan lengkap. Anda juga mesti menyemak bahawa **undang-undang** yang berkenaan adalah betul. Bertanya kepada peguam biasanya merupakan cara terbaik untuk membuat semakan. Jika anda tidak dapat memperoleh bantuan daripada peguam, anda boleh menggunakan **pengkalan data penyelidikan undang-undang** untuk menyemak **undang-undang**. Anda akan menemui senarai percuma **pangkalan data penyelidikan undang-undang** dalam Lampiran D. Anda boleh menghadapi masalah serius jika anda memberikan Mahkamah maklumat palsu tentang fakta atau **undang-undang**.
- 2.11. Mahkamah tidak lama lagi akan menerbitkan lebih lanjut tentang apa yang boleh dan tidak boleh anda lakukan dalam kes anda dengan **Aturcara AI**.

3. MENDAPATKAN BANTUAN LAIN

- 3.1. Anda harus memberitahu Mahkamah dengan secepat mungkin jika anda tidak fasih berbahasa Inggeris dan anda memerlukan **jurubahasa**. Pastikan anda memaklumkan kepada Mahkamah bahasa pertuturan anda.
- 3.2. Anda harus menelefon 131 450 untuk **jurubahasa telefon** jika anda perlu bercakap dengan **pejabat Pendaftar** melalui seorang **jurubahasa**.
- 3.3. Anda perlu mencari **jurubahasa** sendiri anda jika anda mampu membayar untuk **jurubahasa**. NAATI boleh membantu anda mencari **jurubahasa** melalui senarai dalam talian di www.naati.com.au atau anda boleh menelefon NAATI pada nombor 1300 557 470.
- 3.4. Mahkamah boleh membantu anda jika anda memerlukan **jurubahasa**, tetapi anda tidak mampu membayar. Anda perlu menghubungi **pejabat Pendaftar** sekurang-kurangnya seminggu sebelum **persidangan** yang pertama di Mahkamah. Pastikan anda memaklumkan kepada Mahkamah bahasa lisan anda.
- 3.5. **Jurubahasa** bukan peguam. Mereka tidak boleh memberi anda **nasihat undang-undang**.
- 3.6. Mahkamah mempunyai **nota amalan** berjudul [Nota Amalan Bekerja dengan Jurubahasa \[Working with Interpreters Practice Note\] \(GPN-INTERP\)](#). Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang **jurubahasa** di [laman web](#) Mahkamah.
- 3.7. Sesetengah bangunan mahkamah mempunyai perkhidmatan komputer dan pencetak yang boleh anda gunakan untuk penyelidikan undang-undang atau penyediaan **dokumen**. Anda juga mungkin boleh menggunakan perpustakaan atau **pangkalan data penyelidikan undang-undang**. Anda boleh bertanya kepada **pejabat Pendaftar** tentang perkhidmatan ini di lokasi anda.
- 3.8. Sila hubungi **pejabat Pendaftar** Mahkamah sekurang-kurangnya seminggu sebelum **sidang** Mahkamah anda yang pertama jika anda memerlukan bantuan dengan akses ke Mahkamah atau untuk membicarakan kes anda di Mahkamah bagi sebarang sebab Mahkamah akan cuba membantu anda. **Pelarasan yang munasabah** akan dilakukan, tetapi terdapat had tentang apa yang boleh dilakukan kerana sifat sesuatu kes Mahkamah. Mahkamah mesti memastikan proses tersebut adil untuk semua **pihak** dan mesti mempertimbangkan **bayaran** untuk **pihak-pihak** yang lain apabila memutuskan sama ada pelarasan boleh dilakukan terhadap cara kes dijalankan. Mahkamah tidak dapat membantu semua orang yang menghadapi kesukaran untuk hadir di Mahkamah. Sama ada Mahkamah boleh membantu anda atau tidak bergantung pada mengapa anda menghadapi kesusahan.

- 3.9. Anda perlu menghubungi **pejabat Pendaftar** Mahkamah secepat mungkin jika anda memerlukan **penangguhan persidangan** Mahkamah bagi sebab apapun. Anda mesti mempunyai alasan yang baik untuk **penangguhan**. Anda mungkin diminta memberikan **bukti** kepada Mahkamah tentang mengapa anda memerlukan **penangguhan**. Anda perlu bertanya kepada **pejabat Pendaftar** Mahkamah untuk menentukan apa yang perlu anda lakukan.

4. APA YANG ANDA MESTI LAKUKAN JIKA ANDA MENGAJUKAN KES KE MAHKAMAH

- 4.1. Anda mesti melakukan semua perkara dalam bahagian ini jika anda pihak yang mengajukan kes ke Mahkamah (iaitu, jika anda dipanggil **pemohon, plaintif** atau **perayu**).
- 4.2. Anda harus hanya mengajukan **tuntutan** atau **rayuan** jika boleh anda sokong dengan fakta dan **undang-undang**. Anda mesti mempunyai **bukti** untuk membuktikan fakta-fakta **tuntutan** anda dan **undang-undang** yang menyokong **tuntutan** atau **rayuan** anda. Jika anda mengajukan **tuntutan** atau **rayuan** yang tidak disokong dengan fakta dan **undang-undang**, kes anda tidak akan dibenarkan diteruskan. .
- 4.3. Anda harus hanya perlu menggunakan Mahkamah untuk menyelesaikan pertikaian undang-undang. Mahkamah bukanlah tempat untuk membalas dendam atau untuk membebaskan diri daripada hutang kepada seseorang. Mahkamah hanya dapat membuat keputusan undang-undang berdasarkan **bukti** yang diberikan kepada Mahkamah. Menghadap Mahkamah tanpa **tuntutan** atau **rayuan** yang sah merupakan **penyalahgunaan proses** Mahkamah.
- 4.4. Anda harus dapat menjelaskan kepada Mahkamah **tuntutan** atau **rayuan** anda. Anda harus dapat mesti menerangkan perkara tersebut dengan jelas. Anda seharusnya tidak menyatakan sesuatu berulang kali.
- 4.5. Anda mesti memaklumkan kepada Mahkamah apa **perintah** yang anda inginkan dibuat oleh Mahkamah. Anda hanya boleh meminta Mahkamah memberikan **perintah** yang boleh diberikan oleh Mahkamah.
- 4.6. Anda harus hanya memasukkan fakta dan **undang-undang** yang akan membantu menamatkan pertikaian tersebut. Jangan sertakan perkara yang bukan sebahagian daripada pertikaian tersebut. Jumlah maklumat yang keterlaluan tidak akan membantu kes anda.
- 4.7. Anda mesti bertindak dengan hormat dan jujur apabila anda berurusan dengan Hakim, **Pendaftar**, kakitangan Mahkamah dan peguam **pihak-pihak** lain:
- (a) dalam semua bahan bertulisan **dokumen**, e-mel dan panggilan telefon anda; dan

(b) apabila anda bertemu dengan orang lain di Mahkamah atau di tempat lain.

- 4.8. Anda tidak boleh menjerit, memaki hamun, mengugut atau berkelakuan biadab.
- 4.9. Anda harus hanya menghubungi Mahkamah apabila perlu atau apabila berhubung berkenaan langsung dengan kes anda.
- 4.10. Semua e-mel atau surat anda kepada Mahkamah setelah anda memulakan kes anda mesti disalin kepada peguam untuk **pihak-pihak** lain. Anda tidak boleh mengirim berbilang e-mel yang serupa kepada Mahkamah atau cuba membahar kes anda dalam e-mel. Waktu dan tempat untuk mengemukakan kes anda adalah semasa **persidangan** Mahkamah atau dalam **dokumen** yang anda telah diminta oleh Mahkamah untuk disediakan.
- 4.11. Anda mesti melakukan apa yang Mahkamah **mengarahkan** anda lakukan. Anda mesti **memfailkan** mana-mana **dokumen** pada masa yang telah ditetapkan oleh Mahkamah **pemfailan dokumen tersebut**. Jika anda tidak mematuhi **perintah** Mahkamah, Mahkamah mungkin tidak membenarkan anda melanjutkan kes anda.
- 4.12. Anda mesti hadir ke semua **persidangan** Mahkamah di tempat dan pada waktu yang betul. Adalah tanggungjawab anda untuk memastikan anda mengetahui perkara-perkara ini. Jika anda tidak menghadiri **persidangan** di tempat dan pada waktu yang betul, anda mungkin tidak dibenarkan melanjutkan kes anda.
- 4.13. Anda mesti bekerjasama dengan **pihak-pihak** lain untuk menamatkan pertikaian tersebut. Anda mungkin tidak menyukai **pihak-pihak** lain dan anda mungkin tidak mempercayai mereka. Anda masih harus cuba sedaya upaya untuk menyelesaikan pertikaian tersebut. Anda harus berfikir tentang risiko meneruskan **tuntutan** anda apabila anda boleh menamatkan pertikaian melalui persetujuan dengan **pihak-pihak** lain.
- 4.14. Anda mesti membayar sebarang yuran Mahkamah, melainkan anda dikecualikan daripada membayar. Mahkamah mengenakan yuran untuk **pemfailan dokumen** dan yuran untuk **persidangan akhir**. Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang yuran Mahkamah di [laman web Mahkamah](#).

5. **APA YANG MESTI ANDA LAKUKAN JIKA ANDA MEMBELA TUNTUTAN ATAU RAYUAN**

- 5.1. Anda mesti melakukan semua perkara dalam bahagian ini jika anda membela **tuntutan** yang diajukan oleh orang lain terhadap anda (iaitu, jika anda dipanggil **responden** atau **defendan**).

- 5.2. Anda harus hanya membela **tuntutan** jika anda boleh menyokong **pembelaan** anda dengan fakta dan **undang-undang**. Jika **pihak** yang lain tidak mempunyai **bukti tuntutan** mereka atau **bukti** mereka adalah lemah, anda mungkin boleh berhujah bahawa mereka mesti kalah kerana mereka belum membuktikan kes mereka.
- 5.3. Jika anda ingin berhujah bahawa fakta-fakta berbeza daripada apa yang dikatakan oleh **pihak** lain, anda mesti mempunyai **bukti** untuk menyokong hal ini. Anda mesti dapat menunjukkan bahawa **undang-undang** menyatakan bahawa pihak yang lain mesti akan kalah dalam **tuntutan** atau **rayuan** mereka.
- 5.4. Anda mesti dapat menjelaskan **pembelaan** anda kepada Mahkamah. Anda mesti memberi keterangan dengan jelas. Anda seharusnya tidak menyatakan sesuatu berulang kali.
- 5.5. Anda harus hanya memasukkan fakta dan **undang-undang** yang akan membantu menamatkan pertikaian tersebut. Jangan sertakan perkara yang bukan sebahagian daripada pertikaian tersebut. Jumlah maklumat yang keterlaluan tidak akan membantu kes anda.
- 5.6. Anda mesti bertindak dengan hormat dan jujur apabila anda berurusan dengan Hakim, **Pendaftar**, kakitangan Mahkamah dan peguam **pihak-pihak** lain:
 - (a) dalam semua bahan bertulis **dokumen**, e-mel dan panggilan telefon anda; dan
 - (b) apabila anda bertemu dengan orang lain di Mahkamah atau di tempat lain.
- 5.7. Anda tidak boleh menjerit, memaki hamun, mengugut atau berkelakuan biadab.
- 5.8. Anda harus hanya menghubungi Mahkamah apabila perlu dan apabila sebab anda berhubung berkaitan secara langsung dengan kes anda.
- 5.9. Semua e-mel atau surat anda kepada Mahkamah mesti disalin kepada peguam **pihak-pihak** lain. Anda tidak boleh mengirim berbilang e-mel yang serupa kepada Mahkamah atau cuba membahaskan **pembelaan** anda dalam e-mel. Tempat dan waktu untuk mengemukakan **pembelaan** adalah semasa **persidangan** Mahkamah atau dalam **dokumen** yang anda telah diarahkan Mahkamah untuk disediakan.
- 5.10. Anda mesti melakukan apa yang Mahkamah **mengarahkan** anda lakukan. Anda mesti **memfailkan** mana-mana **dokumen** pada masa Mahkamah telah menetapkan dalam **perintah** untuk **pemfailan dokumen tersebut**. Jika anda tidak mematuhi **perintah** Mahkamah, Mahkamah mungkin tidak membenarkan anda melanjutkan **pembelaan** anda.

- 5.11. Anda mesti hadir ke semua **persidangan** Mahkamah di tempat dan pada waktu yang betul. Adalah tanggungjawab anda untuk memastikan anda mengetahui perkara-perkara ini. Jika anda tidak menghadiri **persidangan** di tempat dan pada waktu yang betul, Mahkamah boleh membuat **perintah** terhadap anda.
- 5.12. Anda mesti bekerjasama dengan **pihak-pihak** lain untuk menamatkan pertikaian tersebut. Anda mungkin tidak menyukai **pihak-pihak** lain dan anda mungkin tidak mempercayai mereka. Anda masih harus cuba sedaya upaya untuk menyelesaikan pertikaian tersebut. Fikirkan tentang risiko mempertahankan **tuntutan** apabila anda boleh menamatkan pertikaian melalui persetujuan dengan **pihak-pihak** lain.
- 5.13. Anda mesti membayar sebarang yuran Mahkamah, melainkan anda dikecualikan daripada membayar. Orang yang mengajukan **tuntutan** atau **rayuan** akan membayar sebahagian besar yuran Mahkamah. Mungkin masih terdapat yuran tertentu yang perlu anda bayar. Anda mungkin ingin meminta **sepina** untuk membawa seseorang ke **persidangan akhir** sebagai saksi, atau untuk meminta seseorang membawa **dokumen** ke Mahkamah. Anda mungkin ingin mengajukan **permohonan interlokutori** terhadap pihak yang lain. Untuk perkara seperti itu, anda biasanya perlu membayar yuran. Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang yuran Mahkamah di [laman web](#) Mahkamah.

6. APA YANG DILAKUKAN OLEH MAHKAMAH

A. Mahkamah

- 6.1. Tugas utama Mahkamah adalah memutuskan kes. Mahkamah perlu menentukan tiga perkara penting dalam setiap kes:
- (a) apakah fakta-fakta (iaitu, apa yang berlaku)?
 - (b) apakah **undang-undang** (iaitu, peraturan atau peraturan-peraturan apakah yang berkenaan dengan kes seperti ini)?
 - (c) bagaimanakah **undang-undang** menyatakan Mahkamah harus memutuskan kes tersebut?
- 6.2. Mahkamah mungkin tidak dapat memutuskan semua **isu perundangan** yang anda punyai. Mahkamah hanya boleh memutuskan **isu perundangan** tertentu. Isu perundangan tersebut diliputi oleh **bidang kuasa** Mahkamah. Anda boleh mendapatkan maklumat tentang **bidang kuasa** Mahkamah di [laman web](#) Mahkamah .
- 6.3. Mahkamah ini terdiri daripada para Hakim, **Pendaftar** dan kakitangan Mahkamah. Hakim dan **Pendaftar** adalah bebas dan tidak memihak. Ini bermakna mereka hanya membuat keputusan berdasarkan fakta dan

undang-undang. Mereka tidak menghadapi tekanan atau pengaruh daripada kerajaan atau pihak lain.

- 6.4. Kakitangan Mahkamah juga bebas dan tidak memihak. Mereka berhubung dengan, dan memberikan maklumat kepada, orang yang menggunakan Mahkamah.
- 6.5. Kes-kes boleh mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Penundaan sering di luar kawalan Hakim, **Pendaftar** dan kakitangan Mahkamah.

B. *Hakim*

- 6.6. Tugas utama Hakim adalah untuk memutuskan kes anda dengan mempertimbangkan fakta dan **undang-undang**.
- 6.7. Hakim juga akan mengawal cara persiapan kes anda dilakukan, biasanya dengan mengadakan **persidangan pengurusan kes**. Hakim akan memberi **perintah** di **persidangan** tersebut tentang langkah-langkah yang perlu diambil oleh semua **pihak** dalam kes anda. **Perintah** tersebut akan meliputi masa untuk **pemfailan dokumen** di Mahkamah.
- 6.8. Mahkamah mengurus kes-kes melalui apa yang dikenali sebagai sistem doket. Setiap kes diperuntukkan kepada seorang hakim untuk diurus, sehingga dan termasuk **persidangan akhir**. Anda tidak boleh memilih Hakim yang akan menguruskan atau memutuskan kes anda. Anda boleh mencari maklumat tentang sistem doket dan cara kes diperuntukkan, dalam [Nota Amalan Pusat](#).
- 6.9. Seseorang Hakim mungkin memutuskan bahawa beliau tidak dapat mendengar kes anda kerana **berat sebelah**. Ini jarang berlaku. Hal ini mungkin berlaku jika Hakim tersebut mendapati bahawa beliau mempunyai hubungan rapat dengan salah satu **pihak**, atau salah seorang saksi, dalam kes anda.
- 6.10. Seorang Hakim bukanlah **berat sebelah** hanya kerana bersetuju dengan hujah salah satu **pihak**. Jika Hakim tersebut memutuskan bahawa beliau tidak dapat mendengar kes anda, Mahkamah akan mengatur agar Hakim lain mengambil alih kes tersebut.
- 6.11. Seseorang Hakim mungkin mengemukakan **isu perundangan** dan bertanya kepada **pihak-pihak** apa pandangan mereka tentang isu-isu tersebut. Seseorang Hakim mungkin memberikan pandangan awal tentang beberapa **isu**, atau tentang masalah dengan **bukti** atau hujah-hujah salah satu **pihak**. Ini tidak bermakna Hakim telah memutuskan kes. Ini juga tidak bermakna Hakim itu **berat sebelah**. Adalah sebahagian daripada peranan Hakim untuk mengetahui perkara yang berkaitan dengan kes tersebut dan menanyakan soalan untuk menentukan **undang-undang** yang mungkin berkenaan. Hakim melakukan hal ini untuk memahami **isu undang-undang** untuk ditentukan dalam kes tersebut.

C. Pendaftar

- 6.12. **Undang-undang** dan **Peraturan** memberi **Pendaftar** kuasa tertentu untuk membantu mengurus kes. **Pendaftar** membantu Hakim dengan mengendalikan jenis kes tertentu atau bahagian kes tertentu. **Pendaftar** boleh menjalankan **persidangan** atau **pertemuan**. Mereka boleh membuat **perintah**. Mereka boleh memutuskan bahagian kes tertentu. Tugas mereka lebih terhad daripada tugas seseorang Hakim.
- 6.13. **Pendaftar** boleh memberi anda maklumat am tentang cara Mahkamah berfungsi, semasa **persidangan** atau **pertemuan**.

D. Kakitangan mahkamah

- 6.14. Terdapat tiga jenis kakitangan Mahkamah:
- (a) kakitangan **dewan**, yang membantu Hakim;
 - (b) kakitangan sokongan Pendaftar yang membantu **Pendaftar**; dan
 - (c) kakitangan pejabat pendaftar yang membantu dalam pekerjaan **pejabat Pendaftar**.
- 6.15. Kakitangan **dewan** dipanggil rakan sekutu atau pembantu eksekutif. Mereka membantu Hakim mereka di pejabat Hakim, yang dipanggil **dewan**. Mereka mengatur dan menghadiri **persidangan**. Mereka boleh memberikan salinan **perintah** yang dibuat oleh Hakim mereka dalam kes anda.
- 6.16. Kakitangan **dewan** boleh memberikan maklumat tentang aturan untuk **persidangan** dan tentang **dokumen** yang akan **difailkan** dengan Mahkamah.
- 6.17. Kakitangan sokongan Pendaftar membantu **Pendaftar**. Mereka mengatur **persidangan**. Mereka menyelenggarakan **pertemuan** atau **pengantaraan**.
- 6.18. Kakitangan sokongan Pendaftar boleh memberikan maklumat tentang **persidangan** dan **pertemuan**.
- 6.19. Kakitangan pejabat Pendaftar membantu dalam pekerjaan **Pendaftar**. Kakitangan pejabat Pendaftar boleh memberitahu anda secara am tentang cara Mahkamah berfungsi dan tentang **persidangan** dan **jurubahasa**. Mereka boleh membantu anda mencari borang-borang di laman web Mahkamah. Mereka boleh memberitahu anda sama ada terdapat yuran Mahkamah untuk sesuatu, dan berapa besar yuran Mahkamah yang mungkin dikenakan.
- 6.20. Jika anda mempunyai soalan tentang kes anda, anda harus bertanya

kepada kakitangan pendaftaran. Anda hanya perlu menghubungi kakitangan **dewan** atau kakitangan sokongan Pendaftar apabila anda diminta melakukan demikian.

7. APA YANG TIDAK BOLEH DILAKUKAN OLEH MAHKAMAH

- 7.1. Bahagian ini memberitahu anda apa yang tidak boleh dilakukan oleh Mahkamah. Ini bermakna bahawa para Hakim, para **Pendaftar**, dan kakitangan Mahkamah tidak boleh melakukan perkara-perkara ini.
- 7.2. Hakim, **Pendaftar** dan kakitangan Mahkamah tidak boleh memberi anda **nasihat undang-undang**.
- 7.3. Mereka tidak dapat membantu anda memutuskan sama ada anda harus memulakan suatu **tuntutan** atau **rayuan** di Mahkamah.
- 7.4. Mereka tidak dapat memberitahu anda sama ada sebaiknya dilanjutkan **tuntutan**, **rayuan** atau **pembelaan**.
- 7.5. Mereka tidak boleh memberitahu anda cara membuat draf **dokumen undang-undang** atau bagaimana untuk mempersembahkan **bukti** anda.
- 7.6. Mereka tidak dapat memberitahu anda apa maklumat berguna untuk disertakan dalam kepada **tuntutan**, **rayuan** atau **pembelaan** anda.
- 7.7. Mereka tidak boleh memberitahu anda apa yang anda, atau mana-mana saksi, harus nyatakan dalam **dokumen** seperti **afidavit** atau **kenyataan saksi**.
- 7.8. Mereka tidak boleh mengendalikan kes untuk anda.
- 7.9. Mereka tidak boleh memberitahu anda apa yang perlu dikatakan dalam **persidangan**, atau cara membentangkan kes anda sebaik-baiknya.
- 7.10. Mereka tidak boleh memberi anda kelebihan berbanding **pihak** lain dalam kes anda.
- 7.11. Kakitangan mahkamah tidak boleh memberitahu anda apa yang akan ditetapkan oleh Hakim atau **Pendaftar** berkenaan dengan kes anda.
- 7.12. Kakitangan mahkamah tidak boleh membenarkan anda bercakap secara langsung dengan Hakim, selain daripada di **persidangan**.
- 7.13. Kakitangan mahkamah tidak boleh menulis surat kepada salah satu **pihak** tanpa diketahui **pihak-pihak** lain.

8. APA YANG DILAKUKAN OLEH PEGUAM

- 8.1. Biasanya akan terdapat peguam yang **mewakili pihak-pihak** lain.

Peguam-peguam tersebut akan hadir untuk membantu klien mereka. Mereka tidak hadir untuk membantu anda membentangkan kes anda.

- 8.2. Peguam mempunyai peraturan tentang bagaimana mereka harus berurusan dengan Mahkamah, klien mereka sendiri dan pihak lain dalam kes tersebut. Satu peraturan ialah peguam mesti membantu Mahkamah. Membantu Mahkamah sebahagiannya bermakna seorang peguam boleh cuba menerangkan kepada anda sebahagian daripada cara Mahkamah berfungsi dalam kes anda.
- 8.3. Mahkamah juga mengharapkan **pihak-pihak** bekerjasama dalam membuat persediaan bagi **persidangan akhir** kes tersebut. Anda harus membuat permintaan yang sopan kepada peguam **pihak-pihak** lain jika ada sesuatu yang anda fikir patut berlaku dalam kes tersebut. Anda mungkin boleh mencapai persetujuan. Ini menjimatkan masa dan pembayaran .
- 8.4. Peguam **pihak** lain tidak boleh memberi anda **nasihat undang-undang**.
- 8.5. Peguam mesti menyampaikan kepada klien mereka apa sahaja yang anda katakan kepada peguam tersebut. Fikirlah sama ada anda ingin pihak lain mengetahui sesuatu sebelum anda memberitahu kepada peguam mereka.

9. LANGKAH SETERUSNYA

- 9.1. Sekarang anda boleh membuat keputusan sama ada akan melanjutkan kes anda tanpa peguam. Anda mungkin menentukan bahawa lebih baik untuk cuba mencari peguam untuk menasihati atau **mewakili** anda.
- 9.2. Anda mungkin belum bersedia untuk memulakan **tuntutan** atau **rayuan** kerana anda tidak dapat menyokong anda **tuntutan** atau **rayuan** dengan fakta dan **undang-undang** atau menjelaskan **perintah** yang anda inginkan. Anda perlu melakukan lebih banyak kerja sebelum memulakan **tuntutan** atau **rayuan** anda.
- 9.3. Anda mungkin menentukan bahawa tidak berbaloi untuk melanjutkan atau mempertahankan kes tersebut.
- 9.4. Jika anda membuat keputusan untuk melanjutkan kes tersebut tanpa peguam tetapi tidak pasti tentang langkah seterusnya, sila hubungi **pejabat Pendaftar**. Mahkamah boleh memberitahu anda maklumat lanjut tentang apa yang perlu anda lakukan seterusnya.

D S Mortimer

Ketua Hakim Negara

5 Mac 2026

Lampiran A – Definisi

Sesetengah perkataan mungkin digunakan di Mahkamah yang anda belum pernah dengar sebelum ini. Ini merupakan senarai sebahagian perkataan yang mungkin anda tidak fahami pada mulanya, serta maksudnya. Perkataan tersebut ditandakan dengan huruf tebal, seperti **ini**, dalam **nota amalan**:

<i>Penyalahgunaan proses</i>	memulakan kes tanpa kemungkinan berjaya atau untuk mengganggu atau menyusahkan orang lain pihak . Kes yang merupakan penyalahgunaan proses tidak akan dibenarkan untuk dilanjutkan.
<i>Penangguhan</i>	apabila sesuatu persidangan ditangguhkan sehingga suatu tarikh kemudian. Penangguhan boleh diminta tetapi tidak akan diberikan secara automatik.
<i>Afidavit atau kenyataan saksi</i>	kenyataan fakta bertulis yang anda janjikan adalah benar dengan sumpah (jika anda beragama) atau ikrar (jika anda tidak beragama). Anda mesti menandatangani kenyataan bertulis di hadapan seseorang yang diberi kuasa untuk menyaksikan tandatangan anda.
<i>Pemohon atau Plaintiff</i>	pihak yang memohon kepada Mahkamah untuk memulakan kes.
<i>Rayuan</i>	permohonan kepada Mahkamah oleh salah satu pihak untuk mempertimbangkan semula penghakiman yang diputuskan sebelumnya.
<i>Perayu</i>	pihak yang memulakan suatu rayuan di Mahkamah.
<i>Berat sebelah</i>	mengutamakan satu pihak lebih daripada yang lain.
<i>Persidangan pengurusan kes</i>	persidangan di hadapan Hakim atau Pendaftar untuk menangani langkah seterusnya atau isu-isu prosedur lain dalam kes anda.
<i>Dewan</i>	pejabat Hakim, yang diurus oleh kakitangan yang dipanggil Pembantu Bersekutu atau Pembantu Eksekutif.
<i>Tuntutan</i>	permohonan oleh seseorang pemohon atau plaintif agar Mahkamah membuat

	perintah terhadap satu atau lebih pihak berkenaan dengan pertikaian undang - undang.
Pertemuan	mesyuarat antara pihak-pihak di luar mahkamah untuk cuba menyelesaikan pertikaian mereka, atau sebahagian daripada pertikaian mereka. Seorang Hakim juga boleh meminta seorang Pendaftar untuk mengadakan mesyuarat dengan hanya salah satu pihak untuk menjelaskan sebahagian daripada cara Mahkamah berfungsi bagi pihak tersebut. Ini dikenali sebagai pertemuan penjelasan.
Kos	wang yang dibelanjakan untuk kos guaman oleh sesuatu pihak dalam suatu kes. Kos-kos ini kebanyakannya ialah wang yang telah dibayar oleh sesuatu pihak untuk perkhidmatan peguam (peguam cara dan peguam bela) serta kos guaman lain seperti yuran mahkamah.
Pembelaan	sebab-sebab pihak responden atau defendan mengapa Mahkamah sepatutnya tidak membuat perintah yang diminta oleh pemohon atau plaintif dalam tuntutan , atau perayu dalam rayuan .
Dokumen	teks bertulis, sama ada pada sehelai kertas atau di komputer. Seseengah dokumen mesti diberi bentuk tertentu. Kakitangan pendaftaran boleh membantu anda mencari borang Mahkamah yang betul.
Bukti	sesuatu yang membuktikan apa yang anda katakan dalam dokumen mahkamah anda adalah benar. Contohnya ialah kenyataan saksi atau kandungan dokumen .
Fail atau dokumen pemfailan	menyerahkan dokumen kepada Mahkamah yang kemudiannya diterima oleh Mahkamah.
Persidangan akhir	persidangan di hadapan Hakim atau Pendaftar di mana Hakim atau Pendaftar memutuskan sama ada akan membuat perintah yang dimohon. Semua pihak mengemukakan hujah dan menunjukkan

	bukti yang menyokong hujah-hujah tersebut di persidangan akhir.
Aturcara Kecerdasan Buatan Generatif (<i>juga dipanggil aturcara AI</i>)	sejenis teknologi berasaskan komputer yang menggunakan banyak sekali maklumat sedia ada untuk mencipta dokumen , teks, imej atau kandungan lain yang baru dengan sedikit atau tanpa penglibatan manusia.
Persidangan	acara rasmi di hadapan Hakim atau Pendaftar di mana pihak-pihak mengemukakan maklumat kepada Hakim atau Pendaftar untuk dipertimbangkan. Biasanya suatu persidangan berlangsung di dewan mahkamah, tetapi persidangan tertentu dibenarkan dalam jaringan.
Permohonan interlokutori	permohonan yang dibuat oleh mana-mana pihak semasa kes dan sebelum persidangan akhir diadakan. Permohonan-permohonan ini mungkin meminta Mahkamah membuat perintah tentang cara yang betul untuk kes tersebut disidangkan atau dibuat perintah yang akan menamatkan kes lebih awal.
Jurubahasa	seseorang yang boleh bercakap dalam bahasa anda serta bahasa Inggeris. Orang ini akan menterjemahkan percakapan anda ke dalam bahasa Inggeris dan bahasa Inggeris yang digunakan di mahkamah, atau di tempat lain, ke dalam bahasa anda.
Bidang kuasa	jenis kes dan bidang undang-undang yang boleh dipertimbangkan oleh Mahkamah. Mahkamah hanya boleh membuat perintah mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam bidang kuasa atau kewenangan mereka.
Undang-undang	perundangan, seperti Akta yang dibuat oleh Parlimen, dan perkara yang diputuskan dalam kes-kes terdahulu oleh para Hakim, termasuk perintah dan penghakiman Mahkamah.
Nasihat undang-undang	penjelasan tentang undang-undang dan bagaimana berkenaandengan fakta-fakta kes anda.
Kes undang-undang (<i>atau kes</i>)	pertikaian undang-undang yang

	disidangkan oleh Mahkamah, yang dimulakan oleh suatu tuntutan atau suatu rayuan oleh seorang pemohon , plaintif atau perayu .
Dokumen undang-undang	dokumen yang Mahkamah perlu difailkan oleh suatu pihak di Mahkamah. Dokumen-dokumen ini biasanya mesti disediakan dengan menggunakan borang Mahkamah, yang boleh diperolehi di laman web Mahkamah.
Isu perundangan	bagaimana undang-undang ditafsirkan dan diterapkan, yang perlu ditentukan oleh Mahkamah.
Pangkalan data penyelidikan undang-undang	laman web yang meliputi salinan kes dan perundangan sebelumnya, seperti Institut Maklumat Perundangan Australasia [Australian Legal Information Institute] atau Jade . Senarai beberapa pangkalan data penyelidikan undang-undang tersedia dalam Lampiran D.
Litigan secara bersemuka	suatu pihak yang tidak mempunyai peguam untuk mewakili diri sendiri.
Pengantaraan	satu proses di mana seorang individu bebas, yang dipanggil pengantara, membantu pihak-pihak untuk mencapai persetujuan untuk menamatkan pertikaian mereka.
Perintah	arahan atau keputusan Mahkamah. Terdapat akibat yang serius jika tidak mematuhi perintah Mahkamah.
Pihak	seseorang yang terlibat dalam suatu kes, termasuk pemohon (plaintif) , responden (defendan) , dan perayu . Pihak-pihak tersebut boleh terdiri daripada individu, organisasi atau syarikat.
Nota amalan	suatu dokumen diterbitkan oleh Mahkamah yang menjelaskan prosedur mahkamah.
Pseudolaw	pernyataan, hujah, kepercayaan atau amalan yang menyerupai undang - undang tetapi tidak berdasarkan undang-undang yang sebenar.
Pelarasan yang munasabah	perubahan pada proses atau persekitaran mahkamah yang boleh dilaksanakan

	secara munasabah jika anda memerlukan bantuan dengan akses ke Mahkamah, misalnya akibat kurang upaya.
Pendaftar	seseorang yang boleh membantu Hakim mengendalikan bahagian-bahagian tertentu dalam kes anda, termasuk dengan memutuskan bahagian-bahagian tertentu dalam kes dan membuat perintah.
Pejabat Pendaftar	tempat di setiap Negeri dan Wilayah di mana dokumen boleh disampaikan kepada Mahkamah. Pejabat Pendaftaran dikendalikan oleh kakitangan Pejabat Pendaftar. Senarai lokasi pejabat pendaftar dan butiran perhubungan boleh diperoleh di laman web Mahkamah.
Mewakili	apabila seorang peguam bertindak bagi anda dengan melakukan perkara seperti penggubalan dokumen , menghadiri persidangan Mahkamah dan bercakap dengan pihak-pihak lain bagi pihak anda.
Responden (adakalanya juga dipanggil <i>Defendan</i>)	pihak yang membela sesuatu kes.
Media sosial	platform elektronik di mana orang ramai membuat profil dan bercakap dengan komuniti dalam talian untuk berkongsi maklumat. Contoh termasuk Facebook, TikTok dan Instagram.
Sepina	suatu dokumen , yang dikeluarkan oleh Mahkamah, yang memerintahkan seseorang memberi bukti kepada Mahkamah atau memberi dokumen kepada Mahkamah.

Lampiran B – Matlamat Mahkamah

Matlamat Mahkamah (seksyen 37M Akta):

Tujuan keseluruhan Mahkamah adalah untuk menyelesaikan pertikaian dengan menguatkuasakan undang-undang dengan secepat, semurah dan sebaik mungkin.

Mahkamah mengurus kes-kesnya dengan tujuan ini. Mahkamah juga menggunakan peraturan amalan dan prosedur untuk mencapai tujuan ini. Peraturan amalan dan prosedur dinyatakan dalam Akta dan Peraturan.

Pihak-pihak mesti membantu Mahkamah mencapai tujuan Mahkamah (seksyen 37N Akta):

Pihak-pihak mesti membantu Mahkamah mencapai tujuan Mahkamah (seksyen 37N Akta): Pihak-pihak akan melakukan demikian dengan berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan pertikaian mereka. Ini termasuk apabila mereka bertemu untuk membincangkan kemungkinan penyelesaian pertikaian mereka. Penyelesaian adalah apabila pihak-pihak bersetuju di luar mahkamah tentang bagaimana mereka akan menamatkan pertikaian mereka. Peguam pihak-pihak mesti membantu mereka menyelesaikan pertikaian mereka.

Mahkamah boleh meminta peguam memberi klien mereka gambaran tentang berapa lama masa yang diperlukan untuk menyelesaikan pertikaian di mahkamah dan jumlah biaya yang mungkin. Bayaran termasuk yuran peguam, serta yuran lain yang perlu dibayar kepada Mahkamah dan pihak-pihak lain. Ini akan membantu pihak tersebut menentukan sama ada masa berbaloi untuk melanjutkan kes mahkamah, atau lebih baik sekiranya kes tersebut diselesaikan.

Jika mana-mana pihak tidak cuba sedapat mungkin untuk menyelesaikan pertikaian tersebut, termasuk semasa rundingan untuk penyelesaian, Mahkamah boleh membuat perintah kos terhadap mereka.

Jika peguam suatu pihak tidak membantu mereka menyelesaikan pertikaian secepat, semurah dan sebaik mungkin, Mahkamah boleh membuat perintah kos terhadap peguam tersebut. Sekiranya perkara itu berlaku, peguam tidak boleh menuntut kembali wang tersebut daripada klien.

Lampiran C – Nota Amalan

Di sinilah anda boleh menemui semua Nota Amalan Mahkamah yang lain.

Central Practice Note

- [Central Practice Note \(CPN-1\)](#)

National Practice Area Practice Notes

- [Administrative and Constitutional Law and Human Rights Practice Note \(ACLHR-1\)](#)
- [Admiralty and Maritime Practice Note \(A&M-1\)](#)
- [Commercial and Corporations Practice Note \(C&C-1\)](#)
- [Commercial Arbitration Practice Note \(CA-1\)](#)
- [Defamation Practice Note \(DEF-1\)](#)
- [Employment and Industrial Relations Practice Note \(E&IR-1\)](#)
- [Federal Crime and Related Proceedings Practice Note \(CRIME-1\)](#)
- [General and Personal Insolvency Sub-area Practice Note \(GPI-1\)](#)
- [Intellectual Property Practice Note \(IP-1\)](#)
- [Intellectual Property Practice Note – Standard Directions for Australian Patent Proceedings \(IP-2\)](#)
- [Migration Practice Note \(MIG-1\)](#)
- [Migration Practice Note - Removal from Australia of Immigration Detainees who have Proceedings before the Court \(MIG-2\)](#)
- [Native Title Practice Note \(NT-1\)](#)
- [Taxation Practice Note \(TAX-1\).](#)

General Practice Notes

- [Access to Documents and Transcripts Practice Note \(GPN-ACCS\)](#)
- [Class Actions Practice Note \(GPN-CA\)](#)
- [Consent Orders Involving a Federal Tribunal Practice Note \(GPN-TRIB\)](#)
- [Costs Practice Note \(GPN-COSTS\)](#)
- [Cross-Border Insolvency Practice Note: Cooperation with Foreign Courts or Foreign Representatives \(GPN-XBDR\)](#)
- [Duty \(Urgent\) Applications Interim Practice Note during 3 Region Trial](#)

(GPN-DUTY)

- eBooks Practice Note (GPN-eBOOKS)
- Enforcement, Endorsement and Contempt Practice Note (GPN-ENF)
- Expert Evidence Practice Note (GPN-EXPT)
- Foreign Judgments Practice Note (GPN-FRGN)
- Freezing Orders Practice Note (GPN-FRZG)
- Interest on judgments Practice Note (GPN-INT)
- Lists of Authorities and Citations Practice Note (GPN-AUTH)
- Next Generation Initiative Practice Note (GPN-NGI)
- Overseas Service and Evidence Practice Note (GPN-OSE)
- Referee and Assessor Practice Note (GPN-REF)
- Schemes of Arrangement Practice Note (GPN-SOA)
- Search Orders Practice Note (GPN-SRCH)
- Subpoenas and Notices to Produce Practice Note (GPN-SUBP)
- Survey Evidence Practice Note (GPN-SURV)
- Technology and the Court Practice Note (GPN-TECH)
- Usual Undertaking as to Damages Practice Note (GPN-UNDR)
- Working with Interpreters Practice Note (GPN-INTERP)

Appeals Practice Notes

- Practice Note APP 1: Case management of Full Court and Appellate Matters
- Practice Note APP 2: Content of Appeal Books and Preparation for Hearing

Lampiran D – Pangkalan Data Penyelidikan Perundangan

Akses ke pangkalan data penyelidikan undang-undang berikut adalah percuma:

Nama	Maklumat Tersedia
Institut Maklumat Perundangan Australasia [Australasian Legal Information Institute] (AustLII)	Kes-kes daripada sebahagian besar Mahkamah dan Tribunal Australia. Tidak semua kes dapat dicari melalui AustLII.
Jade	Kes-kes daripada sebahagian besar Mahkamah dan Tribunal Australia. Tidak semua kes dapat dicari melalui Jade.
Daftar Perundangan Persekutuan [Federal Register of Legislation]	Semua perundangan Persekutuan.
Carian Penghakiman Mahkamah Persekutuan Australia [Federal Court of Australia Judgements Search]	Semua penghakiman Mahkamah Persekutuan Australia dan Mahkamah Penuh Mahkamah Persekutuan Australia sejak tahun 1977. Maklumat lanjut mengenai laman Carian Penghakiman dapat diperoleh di laman web Mahkamah.